

Kerjasama semua pihak lancarkan operasi menyelamatkan ketika banjir

Pepatah Melayu menyebut 'sediakan payung sebelum hujan'. Mengambil iktibar daripada bencana banjir melanda negara pada Disember tahun lalu, kerajaan mula merangka strategi bagi menghadapi kemungkinan berulang 'bala' itu.

Berdasarkan kajian **Jabatan Perangkaan**, bencana disifatkan antara terburuk dalam sejarah negara itu merekodkan kerugian keseluruhan sebanyak RM6.1 bilion.

Ia mengakibatkan kerosakan aset awam, infrastruktur, kediaman, kenderaan, sektor pembuatan, premis perniagaan dan sektor pertanian serta merekodkan 48 kematian dan lima mangsa hilang.

Justeru, sebagai persiapan awal, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersetuju supaya Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) segera diaktifkan di semua lokasi bencana.

Ia bertujuan supaya JPBD dapat mempersiapkan segala keperluan dalam berdepan dengan risiko banjir bakal berlaku sekitar November ini sehingga Mac depan ketika Monsun Timur Laut, seperti diramal Jabatan Meteorologi.

Langkah diambil ini dilihat lebih tersusun dan menyeluruh apabila usaha JPBD dalam melaksanakan kerja menyelamatkan serta penyampaian bantuan di lokasi bencana diselaraskan dengan peranan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pada peringkat negeri dan pusat.

JPBN terbabit dalam tugas Pengurusan Pengoperasian Bencana, manakala NADMA pula memastikan kelancaran pengurusan penempatan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan pengagihan kit makanan serta khemah kepada mangsa.

Jabatan kerajaan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendidikan negeri serta daerah turut diberi tanggungjawab untuk bersama-sama agensi terbabit bersiap sedia menghadapi banjir.

Dalam aspek ini, persiapan untuk menyelamatkan mangsa banjir dilihat lebih menjurus kepada pembabitan pelbagai agensi kerajaan. Bermakna, kerjasama menyeluruh juga amat diperlukan daripada komuniti atau penduduk di kawasan diketahui sering berlaku banjir.

Mereka perlu sentiasa peka dengan keadaan cuaca dan kenaikan paras air apabila hujan lebat berpanjangan. Mereka mungkin boleh menjadi mangsa banjir pada bila-bila masa dan perlu bersiap sedia untuk berpindah segera sebaik sahaja mendapati tanda-tanda rumah akan dinaiki air.

Justeru, mereka perlu tahu lebih awal lokasi PPS, bagaimana hendak ke sana dan bersiap dari awal untuk membawa bersama dokumen penting serta barangan berharga tanpa menunggu bantuan menyelamatkan.

Dalam situasi luar jangka, penduduk di kawasan berpotensi terjejas seharusnya tidak mengambil ringan persiapan menghadapi bah walaupun sudah biasa dengan situasi banjir.

Patuhi arahan berpindah segera

Mereka seharusnya tidak menganggap paras air naik mendadak akan surut semula dengan cepat, sebaliknya mematuhi arahan berpindah segera bagi mengelakkan terperangkap dan terputus hubungan serta bantuan.

Pengalaman bencana banjir akhir tahun lalu menyaksikan, mangsa banjir terutama berumah di tepi sungai seperti di Hulu Langat, Selangor; Kuantan dan Temerloh, Pahang, beberapa kawasan di Negeri Sembilan tidak menyangka kawasan kediaman boleh ditenggelami air selepas hujan lebat berterusan dalam tempoh beberapa jam sahaja.

Namun, agensi kerajaan negeri terutama pihak berkuasa tempatan (PBT) juga wajar mengambil langkah proaktif untuk memberi amaran kepada penduduk seperti memasang sistem amaran awal banjir di kawasan berpotensi dilanda banjir.

Sistem ini mampu mengesan kenaikan paras air secara automatik, dilengkapi pembesar suara akustik, sistem pemantauan bersepadu dan menggunakan sistem solar sepenuhnya.

Selain itu, ia juga sepatutnya berupaya memberi arahan daripada pusat ramalan dan amaran banjir negara terus ke stesen siren dengan kaedah pengaktifan suara. Amaran daripada siren ini sepatutnya boleh menjangkau sehingga dua kilometer (km), bergantung kepada topografi setempat.

Pada masa ini, terdapat dua jenis siren amaran banjir, pertama adalah siren amaran apabila air sungai naik melebihi paras amaran, sekali gus menandakan penduduk perlu bersiap sedia untuk berpindah. Kedua adalah siren bahaya apabila air sungai melepasi paras bahaya dan penduduk dikehendaki berpindah serta-merta.

Walau apa juga persiapan dilakukan dalam menghadapi bencana kali ini, tindakan betul dan pantas semua pihak terbabit akan menentukan keberkesanan usaha diambil ini.

Usaha ini memerlukan pembabitan semua pihak, diselaraskan dengan teratur supaya selari dengan saranan dan persiapan digariskan JPBP bagi menjamin kelancaran misi bencana.

Masing-masing tidak kira mangsa, masyarakat yang ingin membantu dan agensi kerajaan bertanggungjawab perlu jelas dengan peranan mereka sesuai dengan situasi.

Sungguhpun pelbagai usaha diambil bagi meningkatkan kesiapsiagaan kita menghadapi bencana ini, masih banyak lagi penambahan dan pembaikan fasiliti pencegahan risiko banjir perlu dilakukan seiring perubahan dan perkembangan ketika itu.

<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/09/1000602/kerjasama-semua-pihak-lancarkan-operasi-menyelamat-ketika-banjir>